

ASNBN

Laporan Setengah Tahunan

Bagi tempoh kewangan berakhir
30 Jun 2025



ASN Equity Global



ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	14
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	15
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY GLOBAL	16
7. PENYATA KEWANGAN	19
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun 2025	19
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun 2025	20
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 Jun 2025	21
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun 2025	22
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 Jun 2025	23
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 30 Jun 2025	24
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	46
9. MAKLUMAT KORPORAT	48

LAPORAN PENGURUS ASN EQUITY GLOBAL



ASN Equity Global

Pemegang-pemegang unit ASN Equity Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Equity Global bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2025.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity Global	Ekuiti	Pertumbuhan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity Global adalah untuk memberi peluang pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan dalam sekuriti terutamanya di pasaran ekuiti global.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

31 Disember.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI Islamic dan Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan (Maybank 1 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI Islamic <i>Sumber: www.msci.com</i>	90
Maybank 1 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	10

"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain

from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)".

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pengagihan pendapatan bagi ASN Equity Global adalah secara sampingan (*incidental*) dan tertakluk kepada ketersediaan pendapatan pada akhir tahun kewangan, selepas ditolak perbelanjaan dan cukai (jika berkenaan), tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Equity Global Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 30.06.2025 (%)	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
		2024	2023	2022
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	9.02	6.09	4.94	7.30
Barangan Bukan Asasi Pengguna	10.98	11.88	8.68	7.25
Barangan Asasi Pengguna	2.38	7.51	3.28	13.84
Tenaga	1.85	-	7.29	3.17
Kewangan	1.36	6.89	2.25	-
Penjagaan Kesihatan	1.20	4.68	5.33	12.26
Perindustrian	7.66	8.04	1.28	6.43
Teknologi Maklumat	40.76	29.85	38.69	15.18
Bahan Asas	3.09	1.63	2.45	-
Utiliti	3.64	-	0.29	2.32
Hartanah	1.00	-	-	2.55
Jumlah	82.94	76.57	74.48	70.30
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	10.77	12.00	22.06	19.74
b) Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal	6.29	11.43	3.46	9.96
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.06.2025	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
		2024	2023	2022 ¹
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	565,223	594,839	674,758	789,634
NAB Seunit (RM)	1.0814	1.0939	0.9845	0.8279
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	-	-	-
NAB (RM'000)	565,223	594,839	674,758	789,634
NAB Seunit (RM)	1.0814	1.0939	0.9845	0.8279
NAB Seunit Terendah (RM)	0.9614	0.9681	0.8278	0.8144
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.1615	1.2100	0.9952	1.0477
Unit Dalam Edaran ('000)	522,700	543,800	685,400	953,800
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	-	-	-
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ²	1.25	2.15	1.88	1.24
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ³	3.02	5.22	3.40	2.36
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%) ⁴	-	-	-	-
Pulangan Modal (%) ⁵	-1.14	11.11	18.92	-17.21
Jumlah Pulangan (%) ⁶	-1.14	11.11	18.92	-17.21

Nota:

1. Tempoh kewangan dari tarikh pelancaran 1 September 2021 sehingga 31 Disember 2022.
2. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
3. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity Global untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
4. Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
5. Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
6. Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, ASN Equity Global tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity Global adalah seperti berikut:

	30 Jun 2025		
	1 tahun	3 tahun	Sejak Penubuhannya ¹
Pulangan Tahunan (%) ²	-7.66	8.66	2.07
Penanda Aras (%) ³	-4.60	8.18	2.48

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan bagi pulangan tahunan dan penanda aras bermula dari 1 September 2021 (tarikh dilancarkan) sehingga 30 Jun 2025.
- Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-
$$= \left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.
- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI Islamic dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:


	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.06.2025	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
		2024	2023	2022 ¹
Jumlah Pulangan (%)	-1.14	11.11	18.92	-17.21
Penanda Aras (%) ²	1.73	0.53	22.04	-12.02

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan bagi jumlah pulangan dan penanda aras bermula dari 1 September 2021 (tarikh dilancarkan) sehingga 31 Disember 2022.
- Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI Islamic dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 90% MSCI ACWI dan 10% Kadar Deposit Tetap Maybank 1 bulan.

Prestasi ASN Equity Global bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025 adalah kurang baik berbanding penanda aras, kerana dipengaruhi oleh kemeruapan pasaran yang tinggi sekaligus memberi impak kepada keputusan pelaburan. Walaupun beberapa sektor utama seperti sektor Teknologi Maklumat dan sektor Perkhidmatan Komunikasi mencatatkan prestasi yang kukuh dalam tempoh ini, pemilihan saham dan jumlah pegangan telah memberi impak negatif kepada prestasi keseluruhan ASN Equity Global. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang, pulangan ASN Equity Global dijangkakan masih lagi melebihi penanda aras dengan perumpukan aset aktif, melangkaui sektor serta geografi pasaran dari masa ke semasa.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity Global telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 4.98% daripada RM0.5948 bilion kepada RM0.5652 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025. NAB seunit pula mencatatkan penurunan sebanyak 1.14% daripada RM1.0939 kepada RM1.0814 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusaniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity Global ("Tabung") adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan, terutamanya dalam sekuriti dan saham yang disenaraikan di pasaran antarabangsa yang diiktiraf, instrumen pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, termasuk sekuriti berpendapatan tetap, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

Tabung boleh melaburkan 75% sehingga 99% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") dalam ekuiti global dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TEMPOH KEWANGAN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, Tabung telah melaksanakan strategi perumpukan aset yang aktif. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor perkembangan ekonomi global, kadar tukaran mata wang asing, serta kadar pulangan pasaran saham dalam pelbagai pasaran global bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Sepanjang tempoh tinjauan, purata perumpukan aset Tabung adalah lebih tertumpu kepada ekuiti di pasaran global, iaitu dalam julat 88%-92%, dan selebihnya dalam pegangan tunai berbanding penanda aras 90% ekuiti: 10% tunai. Tumpuan yang lebih tinggi diberikan kepada ekuiti adalah berdasarkan jangkaan bahawa kemelesetan ekonomi dunia mungkin berlaku lebih lewat, disebabkan oleh daya tahan pasaran buruh di seluruh dunia.

i. Ekuiti

Dalam tempoh enam bulan pertama bagi tahun kewangan 2025, pasaran saham antarabangsa adalah tidak menentu ekoran daripada polisi tarif perdagangan timbal balik Amerika Syarikat yang telah mencetuskan ketegangan dalam perdagangan antarabangsa. Situasi ini bertambah tegang apabila China mengambil langkah tindak balas terhadap Amerika Syarikat dengan menaikkan tarif serta mengenakan sekatan eksport terhadap mineral nadi bumi (rare earth). Ketidaktentuan ini memberikan kesan kepada pasaran saham Amerika Syarikat, yang menyebabkan sentimen para pelabur semakin pudar terhadap negara tersebut dan menganggap 'US exceptionalism' telah berakhir. Sebaliknya, pelabur mula beralih tumpuan kepada pasaran Eropah, yang dilihat mempunyai nilai pasaran yang lebih rendah berbanding Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, Jerman telah mengumumkan pelaksanaan pakej reformasi fiskal besar-besaran yang berjumlah EUR500 bilion (RM2.5 trilion) untuk melabur dalam projek infrastruktur asas seperti di dalam sektor Pengangkutan, sektor Tenaga dan sektor Pendigitalan, serta sektor Pertahanan. Menjelang akhir tempoh tinjauan, dunia dikejutkan dengan konflik ketenteraan antara Israel dan Iran yang mencetuskan lonjakan harga minyak mentah. Sehubungan dengan itu, Tabung telah mengambil pendekatan pelaburan yang lebih aktif untuk mengurus dan mengurangkan risiko hasil Tabung daripada terus merudum, selepas menilai prospek dan impak kejutan makroekonomi yang berlaku sepanjang tempoh tinjauan.

Tabung memberi tumpuan kepada sektor yang disokong oleh permintaan struktur jangka panjang, terutamanya sektor Teknologi Maklumat yang menerima suntikan sentimen melalui

kemajuan Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI"). Syarikat-syarikat perisian di Amerika Syarikat telah mengumumkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya, terutamanya dalam pembangunan infrastruktur yang menyediakan perkhidmatan AI serta pengeluaran produk-produk semikonduktor yang berkapasiti tinggi. Negara-negara seperti Korea Selatan dan Taiwan turut menerima manfaat daripada keseluruhan rantaian bekalan produk semikonduktor. Penyediaan perkhidmatan AI juga memerlukan sumber tenaga elektrik yang sangat tinggi, terutamanya untuk pemrosesan data di pusat-pusat data yang sedang giat dibina di seluruh dunia. Ekoran itu, jaringan tenaga elektrik sedia ada perlu ditambah baik seiring dengan peningkatan permintaan oleh pusat-pusat data serta keperluan lain seperti tenaga boleh baharu dan kenderaan elektrik. Situasi ini telah memberi manfaat terhadap permintaan dalam perkakasan berkaitan jaringan tenaga seterusnya memberi manfaat terhadap syarikat-syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik.

Selain itu, Tabung turut mempelbagaikan pelaburan ke beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran Eropah, Jepun dan China. Tabung telah membuat pelaburan taktikal dalam sektor Pembinaan dan sektor Bahan Mentah di pasaran Eropah, ekoran aliran masuk pelaburan dana yang kukuh serta pelaksanaan dasar fiskal mengembang oleh kerajaan Jerman. Manakala, pelaburan di Jepun telah tertumpu kepada sektor yang berteraskan permintaan pasaran tempatan seperti sektor Barangan Asasi Pengguna. Ekoran program rangsangan beransur oleh kerajaan China serta kemunculan 'Deepseek' iaitu perkhidmatan AI versi China yang dianggap setanding dengan perkhidmatan AI negara maju, Tabung telah melabur dalam sektor Teknologi Maklumat dan sektor Barangan Bukan Asasi Pengguna di China.

Selain daripada pegangan langsung dalam saham-saham syarikat di seluruh dunia, Tabung turut membuat pelaburan dalam sektor Dana Didagangkan Bursa ("Exchange Traded Fund, ETF"), untuk mendapatkan pendedahan terhadap aliran pelaburan ke pasaran negara membangun, dan mendapat manfaat daripada kelemahan mata wang US Dolar ("USD"), melalui pembelian ETF dalam pasaran tertentu seperti India, Mexico dan Brazil dari semasa ke semasa.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, ekonomi dunia telah berdepan dengan pelbagai kejutan makroekonomi, termasuklah pengenalan kepada tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, ketegangan dalam perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China, konflik geopolitik yang berlarutan di Palestin, serta perang antara Iran dan Israel.

Pertumbuhan ekonomi dunia turut terkesan ekoran kejutan-kejutan makroekonomi yang berlaku sepanjang tempoh tinjauan. Pada tahun 2024, ekonomi dunia telah mencatatkan perkembangan pada kadar 3.3%. Dalam unjuran awal yang dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") pada bulan Januari 2025, pertumbuhan global bagi tahun 2025 dijangka akan kekal kukuh pada kadar 3.3%, ekoran kekuatan ekonomi Amerika Syarikat. Namun begitu, dalam unjuran terkini yang diterbitkan oleh IMF pada bulan April 2025, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka lebih perlahan pada kadar 2.8% untuk tahun 2025, ekoran ketidaktentuan dasar perdagangan serta kesan geopolitik dunia.

Sehubungan dengan itu, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi yang bercampur-campur, dengan kesan negatif ketara dapat dilihat selepas Presiden Donald Trump memperkenalkan tarif perdagangan timbal balas, disusuli dengan langkah tindak balas dagangan yang dilakukan oleh China terhadap Amerika Syarikat. Indeks pasaran saham utama dunia, MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") telah mencatatkan penurunan ketara sebanyak -11.1% dalam masa empat (4) hari selepas tarif dagangan diperkenalkan. Namun begitu, pasaran saham telah kembali pulih ekoran keputusan Amerika Syarikat mengumumkan pemberhentian sementara terhadap kadar tarif perdagangan timbal balas, supaya perbincangan dapat diadakan dengan negara-negara rakan dagangan bagi mencapai objektif iaitu mengurangkan defisit dagangan Amerika Syarikat.

Secara keseluruhan bagi sepanjang tempoh tinjauan, indeks komposit utama antarabangsa, MSCI ACWI telah mencatatkan kenaikan sebanyak +8.0%. Indeks komposit pasaran saham di Amerika Syarikat menunjukkan pemulihan dengan Indeks S&P 500 mencatatkan kenaikan sebanyak +5.5%, didorong oleh keutuhan pengukuhan ekonomi di Amerika Syarikat, hasil daripada pasaran buruh yang mampan dan perkembangan pesat industri AI yang lebih ketara di Amerika Syarikat. Selain itu, pasaran Eropah turut mencatatkan prestasi yang baik, dipacu oleh pelaksanaan pelan fiskal oleh kerajaan Jerman, yang merangkumi pelaburan besar oleh Kerajaan Jerman dalam infrastruktur asas Jerman dan dalam sektor Pertahanan. Ekoran itu, indeks utama Jerman (DAX) telah mencatatkan pulangan yang sangat baik, dengan kenaikan sebanyak +20.1%, yang seterusnya mendorong indeks utama Eropah (STOXX 600) untuk mencatatkan pulangan positif, dengan kenaikan sebanyak +6.7%.

Pasaran saham di Hong Kong dan China mencatatkan kadar pemulihan yang baik sepanjang tempoh tinjauan, sejajar dengan pengumuman pakej rangsangan ekonomi secara beransur oleh kerajaan pusat China serta kemajuan dalam industri AI yang dibangunkan dengan menggunakan teknologi tempatan. Sehubungan dengan itu, pasaran saham di Hong Kong ditutup pada paras yang tinggi (HSI, +20.0%). Pasaran saham di Korea turut merekodkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak +28.0%, didorong oleh pelaksanaan reformasi tadbir urus korporat melalui kempen 'Value-Up Program'. Sementara itu, pasaran saham di Taiwan telah merekodkan penurunan sebanyak -3.4%, ekoran pengukuhan mata wang Taiwan Dolar, yang menyebabkan tekanan ke atas keuntungan bersih syarikat-syarikat di negara tersebut yang kebanyakannya mempunyai nilai eksport yang tinggi ke Amerika Syarikat.

Pasaran saham di rantau ASEAN terjejas teruk ekoran tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat terhadap negara-negara dagangannya. Secara amnya, negara-negara ASEAN kebanyakannya merupakan negara pengekspor dan mencatatkan lebih dagangan dengan Amerika Syarikat. Beberapa negara yang mencatatkan pulangan negatif, antaranya, pasaran saham Indonesia (JCI, -2.2%), Filipina (PSEI, -2.5%) dan Malaysia (FBM KLCI, -6.7%). Pasaran saham Thailand mencatatkan prestasi yang paling lemah dengan Indeks SET menjunam -22.2%, akibat ketidaktentuan politik, tekanan eksport ekoran tarif perdagangan timbal balas Amerika Syarikat, serta kelemahan sektor Pelancongan. Sebaliknya, hanya pasaran Singapura yang mencatatkan pulangan positif (STI, +4.7%) ekoran sentimen para pelabur yang ingin melindungi pulangan pelaburan masing-masing dengan membeli saham sektor Kewangan yang diyakini kukuh seperti bank-bank di Singapura.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa berdepan dengan ketidakpastian yang tinggi. Situasi ini memuncak terutamanya selepas pengumuman tarif oleh Presiden Donald Trump pada bulan April 2025, yang telah mencetuskan kejatuhan pasaran global yang paling ketara sejak tahun 2020. Namun, sentimen pasaran beransur pulih dengan sederhana menjelang bulan Jun 2025, disokong oleh jangkaan pemotongan kadar faedah oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") seawal bulan September 2025, susulan ekonomi yang semakin lemah. Walaupun kadar faedah di Amerika Syarikat kekal dalam lingkungan 4.25%-4.50%, kadar hasil bon perbendaharaan 10-tahun Amerika Syarikat ("10-year US Treasury") menunjukkan pergerakan yang sangat tidak menentu. Ia bermula dengan penurunan daripada 4.56% di awal tahun 2025 ke paras terendah 4.00% pada awal bulan April 2025, disebabkan oleh kebimbangan terhadap perang perdagangan global, sebelum melonjak kembali kepada paras penutup iaitu 4.23% pada hujung bulan Jun 2025, meskipun terdapat jangkaan pemotongan kadar faedah, berikutan tekanan fiskal dan inflasi yang berterusan di Amerika Syarikat.

Di Eropah, Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") meneruskan kitaran pelonggaran monetari dengan melakukan pemotongan kadar faedah tambahan sebanyak 25 mata asas pada awal bulan Jun 2025, menjadikan kadar semasa kepada 2.15% berbanding 3.15% pada awal tahun 2025 selepas beberapa pemotongan. Langkah ini mencerminkan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Eropah, terutamanya di negara-negara seperti Perancis dan Itali. Walau bagaimanapun, kadar hasil bon 10-tahun kerajaan Jerman ("10-year German Government Bond") yang menjadi proksi kepada bon perbendaharaan Kesatuan Eropah ("European Union, EU"), telah meningkat sebanyak 23 mata asas, daripada 2.38% kepada paras penutup iaitu 2.61% pada hujung bulan Jun 2025. Kenaikan ini sebahagian besarnya didorong oleh pelaburan besar-besaran kerajaan Jerman, iaitu sebanyak EUR115.7 bilion bagi tahun 2025 dan EUR123.6 bilion bagi tahun 2026, meningkat daripada EUR74.5 bilion pada tahun 2024. Pelaburan ini merupakan sebahagian daripada rangsangan ekonomi seperti yang digariskan dalam deraf Bajet 2025 dan Rangka Kerja Bajet 2026, yang masing-masing telah diluluskan oleh Kabinet Jerman. Ini secara langsung akan meningkatkan keperluan pembiayaan kerajaan, sekaligus mendorong kepada penerbitan lebih banyak bon baharu.

Sementara itu, Indeks Bon Pasaran Baru Muncul ("Emerging Markets Bond Index, EMBI") menunjukkan prestasi yang bercampur-campur, dengan bon mata wang tempatan secara keseluruhannya mencatatkan pulangan positif, disokong oleh kelemahan mata wang US Dolar ("USD") dan asas domestik yang lebih baik di beberapa negara. Walaupun berdepan ketidakpastian makroekonomi global yang tinggi, didorong oleh pengumuman tarif perdagangan timbal balas Amerika Syarikat yang mempengaruhi sentimen dan aliran modal, serta pergerakan kadar hasil perbendaharaan Amerika Syarikat yang tidak menentu, pasaran bon mata wang tempatan menunjukkan daya tahan, disokong oleh penilaian Ringgit Malaysia yang menarik dan tahap kerentanan makroekonomi yang rendah.

Pasaran bon Malaysia menunjukkan daya tahan yang ketara, disokong oleh dasar monetari Bank Negara Malaysia ("BNM") dan ekonomi yang stabil. Pada suku pertama tahun 2025, Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 4.4%, dipacu oleh permintaan domestik yang mampan, aktiviti pelaburan yang berterusan, serta kadar

inflasi yang terkawal antara 1.5% sehingga 1.9%, walaupun terdapat jangkaan kenaikan sederhana pada masa hadapan akibat rasionalisasi subsidi dan pelarasan cukai. Selain mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") pada paras 3.00%, BNM turut melonggarkan Keperluan Rizab Berkanun ("Statutory Reserve Requirement, SRR") sebanyak 100 mata asas dalam bulan Mei 2025. Langkah ini meningkatkan kecairan pasaran dan menyumbang kepada penurunan hasil sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities ("MGS") 10-tahun daripada 3.82% pada awal tahun 2025 kepada 3.51% pada hujung bulan Jun 2025. Minat pelabur asing terhadap bon Malaysia turut meningkat dengan ketara, di mana aliran masuk ke pasaran bon Malaysia pada bulan Jun 2025 adalah yang tertinggi sejak tahun 2014.

Dari sudut pasaran mata wang, nilai Ringgit Malaysia menunjukkan pengukuhan secara beransur-ansur sepanjang tempoh tinjauan. Bermula pada paras sekitar RM4.47/USD pada awal tahun 2025, nilai Ringgit Malaysia mencatatkan prestasi lebih kukuh apabila mencecah paras RM4.21/USD menjelang akhir bulan Jun 2025. Pengukuhan ini disokong oleh faktor luaran seperti jangkaan bahawa kadar faedah Amerika Syarikat telah mencapai kemuncaknya, sekaligus meredakan tekanan terhadap mata wang serantau. Dalam masa yang sama, data perdagangan Malaysia yang lebih stabil serta aliran masuk dana asing ke pasaran bon dan ekuiti tempatan turut menyumbang kepada peningkatan keyakinan terhadap nilai Ringgit Malaysia.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Pengurus Pelaburan menjangkakan naratif ekonomi global akan tertumpu kepada kesan negatif daripada perlaksanaan dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, yang terus mencabar kestabilan rantaian bekalan global. Dasar tarif perdagangan timbal balas ini memainkan peranan penting dalam menentukan arah tuju kadar inflasi di Amerika Syarikat, yang merupakan faktor utama kepada keputusan kadar dasar monetari oleh Federal Reserve Board. Walau bagaimanapun, risiko kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat yang diunjurkan oleh J.P. Morgan juga telah menurun daripada jangkaan awal iaitu sebanyak 60% semenjak 'Liberation Day' pada 2 April 2025, kepada 40% pada 30 Jun 2025. Penurunan ini dipacu oleh usaha-usaha rundingan antara Amerika Syarikat dan negara-negara dagangannya. Namun begitu, kemaruapan pasaran modal dijangka akan kekal tinggi, bergantung kepada perkembangan rundingan-rundingan tersebut.

Oleh itu, Pengurus Pelaburan akan melaksanakan perumpukan aset yang aktif dengan menyasarkan pelaburan yang bersifat seimbang dan lebih taktikal, antara bersifat agresif atau defensif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif. Pengurus Pelaburan akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

i. Ekuiti

Secara keseluruhan, Tabung akan melaksanakan strategi pelaburan ekuiti yang lebih seimbang, iaitu antara pelaburan agresif dan pelaburan defensif. Pelaburan ekuiti Tabung akan dilakukan secara selektif dalam saham-saham syarikat yang diniagakan di bawah harga wajar yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh, berdasarkan prospek ekonomi semasa dan menepati tema pelaburan semasa.

Asas pertama dalam strategi pelaburan ekuiti Tabung akan tertumpu kepada pemilihan syarikat dengan pertumbuhan agresif, bergantung kepada faktor makroekonomi dan sentimen pasaran negara-negara tertentu. Pelaburan akan tertumpu kepada syarikat-syarikat yang dijangka akan terus mendapat manfaat peningkatan kadar keuntungan hasil penyediaan infrastruktur AI dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam rantai bekalan teknologi AI, terutamanya di Amerika Syarikat, Korea Selatan, Taiwan dan China. Tabung menjangkakan bahawa jumlah jualan penyediaan infrastruktur AI melalui perkhidmatan pengkomputeran awan (Cloud Computing) akan mengalami peningkatan dengan lebih cepat dalam beberapa suku tahun yang akan datang. Selain itu, Tabung juga akan terus memberi tumpuan terhadap syarikat-syarikat mega di Amerika Syarikat dengan model perniagaan yang berdaya tahan, dan dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan kadar keuntungan walaupun pertumbuhan ekonomi global secara amnya dijangka perlahan menjelang separuh kedua tahun 2025. Sektor Pembinaan di Eropah juga dikenal pasti sebagai sektor yang berpotensi tinggi, disokong oleh keyakinan pelabur terhadap pelaksanaan dasar fiskal kerajaan Jerman.

Asas kedua strategi pelaburan ekuiti Tabung pula tertumpu kepada pelaburan berasaskan defensif, akibat ketidakpastian dasar tarif perdagangan timbal balas yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat. Syarikat-syarikat yang mempunyai model perniagaan yang kukuh dan stabil seperti syarikat yang terlibat dalam sektor Utiliti dan sektor Barangan Asasi Pengguna akan diberikan penekanan sekiranya sentimen pelabur berubah menjadi negatif hasil kesan tarif perdagangan timbal balas balik terhadap pertumbuhan ekonomi global.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY GLOBAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY GLOBAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2025, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 7 Ogos 2025.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 Ogos 2025

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN EQUITY GLOBAL** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
7 Ogos 2025

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY GLOBAL

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN EQUITY GLOBAL ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2025, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 19 sehingga 45.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2025 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dikehendaki dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Unit Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Unit Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

**Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad
Nor**

No. 03083/07/2027 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 Ogos 2025

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2025

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2024 RM
PENDAPATAN/ (KERUGIAN)			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		545,592	1,113,542
Pendapatan dividen		6,102,127	3,430,305
(Kerugian)/keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		(14,001,238)	96,844,473
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		10,097,785	15,403,365
Keuntungan/ (kerugian) bersih daripada aset derivatif (FVTPL)	8	3,832,808	(2,078,561)
(Kerugian)/keuntungan bersih kadar tukaran asing		(5,740,170)	1,230,998
		<u>836,904</u>	<u>115,944,122</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	2,753,879	2,856,295
Yuran pemegang amanah	5	220,310	228,504
Ganjaran juruaudit		11,157	8,200
Yuran ejen cukai		2,450	2,450
Perbelanjaan pentadbiran		4,123,778	2,540,340
		<u>7,111,574</u>	<u>5,635,789</u>
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		(6,274,670)	110,308,333
CUKAI	6	-	-
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>(6,274,670)</u>	<u>110,308,333</u>
(Kerugian)/pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		(15,607,543)	94,478,604
Tidak ternyata		9,332,873	15,829,729
		<u>(6,274,670)</u>	<u>110,308,333</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2025**

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2024 RM
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	(6,274,670)	110,308,333
JUMLAH (KERUGIAN)/PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	<u>(6,274,670)</u>	<u>110,308,333</u>
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	(15,607,543)	94,478,604
Tidak ternyata	9,332,873	15,829,729
	<u>(6,274,670)</u>	<u>110,308,333</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 JUN 2025

	Nota	30.6.2025 RM	31.12.2024 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)	7	529,678,159	526,865,082
Aset derivatif (FVTPL)	8	1,770,438	-
Deposit dengan institusi kewangan	9	6,449,952	18,810,338
Pendapatan belum diterima	10	1,275,618	169,482
Jumlah terhutang daripada broker saham		18,126,596	-
Jumlah terhutang daripada PNB	11	4,150,440	2,980,590
Tunai di bank		29,312,605	51,432,415
JUMLAH ASET		590,763,808	600,257,907
LIABILITI			
Liabiliti derivatif (FVTPL)		-	3,204,820
Jumlah terhutang kepada broker saham		13,645,394	-
Jumlah terhutang kepada pengurus		466,227	516,539
Jumlah terhutang kepada PNB	10	11,306,810	1,555,760
Pelbagai pemiutang		122,022	141,723
JUMLAH LIABILITI		25,540,453	5,418,842
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		565,223,355	594,839,065
EKUITI			
Modal pemegang unit	11	524,780,915	548,121,955
Rizab-rizab lain		40,442,440	46,717,110
JUMLAH EKUITI/NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		565,223,355	594,839,065
UNIT DALAM EDARAN	11	522,700,000	543,800,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		1.0814	1.0939

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2025**

	Modal Pemegang Unit RM	Rizab-rizab Lain		Jumlah Ekuiti RM
		Ternyata RM	Tidak Ternyata RM	
Pada 1 Januari 2024	697,491,655	(79,072,673)	56,338,750	674,757,732
Penjadian unit untuk jualan	131,931,690	-	-	131,931,690
Pembatalan unit	(339,068,890)	-	-	(339,068,890)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	-	94,478,604	15,829,729	110,308,333
Pada 30 Jun 2024	490,354,455	15,405,931	72,168,479	577,928,865
Pada 1 Januari 2025	548,121,955	27,521,641	19,195,469	594,839,065
Penjadian unit untuk jualan	72,258,590	-	-	72,258,590
Pembatalan unit	(95,599,630)	-	-	(95,599,630)
Jumlah (kerugian)/ keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	-	(15,607,543)	9,332,873	(6,274,670)
Pada 30 Jun 2025	524,780,915	11,914,098	28,528,342	565,223,355

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2025

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	1,703,922,567	1,329,869,319
Pembelian pelaburan	(1,716,093,269)	(1,089,478,749)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	545,592	1,115,512
Dividen bersih diterima	4,826,510	3,022,200
Yuran pengurusan dibayar	(2,804,191)	(2,979,732)
Yuran pemegang amanah dibayar	(224,335)	(238,379)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(4,153,060)	(2,535,435)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	(13,980,186)	238,774,736
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI		
PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjudian unit	71,088,740	120,041,150
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(85,848,580)	(351,630,130)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(14,759,840)	(231,588,980)
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM		
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(28,740,026)	7,185,756
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(5,740,170)	1,661,448
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PADA AWAL TEMPOH	70,242,753	36,921,219
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA		
PADA AKHIR TEMPOH	35,762,557	45,768,423
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI		
DARIPADA:		
Tunai di bank	29,312,605	34,020,042
Depositi dengan institusi kewangan (Nota 8)	6,449,952	11,748,381
Tunai dan persamaan tunai	35,762,557	45,768,423

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 30 JUN 2025

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY GLOBAL ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 16 Jun 2021, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 1 September 2021 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 1 Julai 2021.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 7 Ogos 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau

liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-Aset Kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh jualbeli. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengkelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- Ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- Ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan

menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: Revenue from contract with customers, dan dinyatakan berasingan dalam untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elaan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara;
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan;
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehahagi ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti Kewangan dan Instrumen Ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang pada awalnya dikenalpasti pada nilai saksama termasuk kos transaksi secara langsung dan seterusnya dinilai pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation*.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata Wang Asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai Pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran Nilai Saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan yang Material

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh

menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.50% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025 ialah 1% (30 Jun 2024: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025 ialah RM220,310 (30 Jun 2024 : RM228,504).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026 kecuali pendapatan dividen.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

	30.6.2025	31.12.2024
	RM	RM

Pada kos:

Pelaburan disebut harga - luar negara

Saham biasa	435,092,709	424,741,174
Saham keutamaan	-	6,192,501
Skim pelaburan kolektif	65,283,379	76,733,442
	500,376,088	507,667,117

Pada nilai saksama:

Pelaburan disebut harga - luar negara

Saham biasa	463,134,120	449,392,524
Saham keutamaan	-	6,080,908
Skim pelaburan kolektif	66,544,039	71,391,650
	529,678,159	526,865,082

Pelaburan disebut harga - luar negara

Pelaburan disebut harga - luar negara pada 30 Jun 2025 adalah seperti berikut:

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.6.2025
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	%
Saham Biasa				
China				
Perkhidmatan Komunikasi				
China Mobile Ltd	200,000	9,406,021	9,338,776	1.65
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
BYD Co Ltd	180,000	14,701,561	11,820,897	2.09
Midea Group Co Ltd	120,000	5,175,896	5,089,201	0.90
	300,000	19,877,457	16,910,098	2.99

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.6.2025
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	%
Saham Biasa (samb.)				
Perancis				
Perindustrian				
Schneider Electric SE	10,500	11,117,425	11,706,830	2.07
Bahan Asas				
Air Liquide SA	6,500	5,168,327	5,621,145	0.99
Utiliti				
Engie SA	120,000	11,275,337	11,806,078	2.09
Jerman				
Perindustrian				
Siemens AG	12,000	12,647,640	12,896,326	2.28
Teknologi Maklumat				
Infineon Technologies AG	40,000	6,782,428	7,133,024	1.26
SAP SE	9,000	10,482,634	11,472,042	2.03
	49,000	17,265,062	18,605,066	3.29
Bahan Asas				
Heidelberg Materials AG	6,000	5,569,892	5,908,965	1.05
Utiliti				
RWE AG	50,000	8,748,351	8,747,164	1.55
Jepun				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Ryohin Keikaku Co Ltd	60,000	11,000,953	12,104,321	2.14
Barangan Asasi Pengguna				
Shiseido Co Ltd	105,700	7,724,261	7,924,440	1.40

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.6.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham Biasa (samb.)				
Korea Selatan				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Hyundai Mobis Co Ltd	6,500	5,990,240	5,793,071	1.02
Barangan Asasi Pengguna				
Amorepacific Corp	13,000	5,702,020	5,518,556	0.98
Teknologi Maklumat				
Samsung Electronics Co Ltd	49,982	9,404,453	9,281,719	1.64
Belanda				
Kewangan				
Adyen NV	1,000	6,603,673	7,694,936	1.36
Singapura				
Perkhidmatan Komunikasi				
Singapore Telecommunications Ltd	700,000	9,079,829	8,832,322	1.56
Switzerland				
Bahan Asas				
Holcim AG	19,000	5,804,179	5,912,895	1.05
Taiwan				
Teknologi Maklumat				
Delta Electronics Inc	150,000	8,412,441	8,914,394	1.58
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd	135,000	18,749,015	20,591,604	3.64
Wiwynn Corp	22,500	8,042,127	8,191,314	1.45
	307,500	35,203,583	37,697,312	6.67

			Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada	
Syarikat	Unit	Kos RM	Saksama RM	30.6.2025 %
Saham Biasa (samb.)				
Amerika Syarikat				
Perkhidmatan komunikasi				
Alphabet Inc-CL A	31,000	22,023,493	22,991,036	4.07
Meta Platforms Inc	6,000	15,488,234	18,637,068	3.30
	37,000	37,511,727	41,628,104	7.37
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc	18,000	15,538,176	16,619,056	2.94
Tesla Inc	8,000	11,334,293	10,694,723	1.89
	26,000	26,872,469	27,313,779	4.83
Penjagaan Kesihatan				
Boston Scientific Corp	15,000	6,048,318	6,780,364	1.20
Perindustrian				
Ferguson Enterprises Inc	7,800	7,079,652	7,159,377	1.27
Johnson Controls International plc	26,000	11,214,005	11,556,771	2.04
	33,800	18,293,657	18,716,148	3.31
Teknologi Maklumat				
Advanced Micro Devices Inc	20,000	11,091,684	11,943,439	2.11
Analog Devices Inc	5,000	5,017,408	5,008,417	0.89
Applied Materials Inc	7,500	5,820,738	5,778,238	1.02
Broadcom Inc	10,500	10,389,617	12,180,477	2.15
Marvell Technology Inc	60,000	16,847,342	19,543,810	3.46
Micron Technology Inc	10,000	5,193,755	5,186,853	0.92
Microsoft Corp	26,250	44,761,700	54,949,131	9.72
NVIDIA Corp	45,000	25,741,222	29,919,830	5.29
Salesforce Inc	10,000	12,921,870	11,475,886	2.04
	194,250	137,785,336	155,986,081	27.60

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2025 %
Saham Biasa (samb.)				
Amerika Syarikat (samb.)				
Tenaga				
EOG Resources Inc	20,680	10,992,499	10,409,624	1.85
Jumlah Saham Biasa	2,343,412	435,092,709	463,134,120	81.94
Skim Pelaburan Kolektif				
Dana didagangkan Bursa				
Ireland				
First Trust Nasdaq Clean Edge Smart Grid Infrastructure ETF	42,000	8,309,443	8,465,222	1.50
iShares Edge MSCI Europe Value Factor UCITS ETF	170,000	8,419,652	8,503,240	1.50
iShares MSCI USA Islamic UCITS ETF	35,000	10,701,746	11,294,504	2.00
	247,000	27,430,841	28,262,966	5.00
Jepun				
Global X Japan Global Leaders ETF	57,000	5,540,933	5,559,423	0.98
Korea Selatan				
Samsung KODEX Semiconductor ETF	80,000	8,470,956	9,242,829	1.64

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 30.6.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Skim Pelaburan Kolektif (samb.)				
Dana didagangkan Bursa (samb.)				
Amerika Syarikat				
iShares MSCI Mexico ETF	22,500	5,855,068	5,734,366	1.01
iShares MSCI South Korea ETF	20,000	6,092,561	6,041,579	1.07
iShares MSCI Taiwan ETF	25,000	6,109,051	6,039,054	1.07
	67,500	18,056,680	17,814,999	3.15
Jumlah Dana Didagangkan Bursa				
	451,500	59,499,410	60,880,217	10.77
REITs				
Australia				
Goodman Group	60,000	5,783,969	5,663,822	1.00
Jumlah REITs	60,000	5,783,969	5,663,822	1.00
Jumlah Skim Pelaburan Kolektif				
	511,500	65,283,379	66,544,039	11.77
Jumlah pelaburan disebut harga - Luar negara	2,854,912	500,376,088	529,678,159	93.71

8. ASET/(LIABILITI) DERIVATIF (“FVTPL”)

Aset/(Liabiliti) derivatif pada 30 Jun 2025 adalah seperti yang terperinci di bawah:

	Tarikh matang	Amaun Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset/(Liabiliti) RM
30.6.2025				
Kontrak belian hadapan				
Beli MYR 4,455,100				
Jual USD 1,000,000	10.10.2025	4,455,100	4,191,696	263,404
Beli MYR 4,398,500				
Jual USD 1,000,000	16.10.2025	4,398,500	4,190,733	207,767
Beli MYR 4,377,100				
Jual USD 1,000,000	21.10.2025	4,377,100	4,189,931	187,169
Beli MYR 2,188,600				
Jual USD 500,000	21.10.2025	2,188,600	2,094,965	93,635
Beli MYR 4,377,200				
Jual USD 1,000,000	21.10.2025	4,377,200	4,189,931	187,269
Beli MYR 2,173,950				
Jual USD 500,000	24.10.2025	2,173,950	2,094,725	79,225
Beli MYR 10,431,750				
Jual USD 2,500,000	07.11.2025	10,431,750	10,468,008	(36,258)
Beli MYR 10,431,750				
Jual USD 2,500,000	07.11.2025	10,431,750	10,468,008	(36,258)
Beli MYR 10,431,750				
Jual USD 2,500,000	07.11.2025	10,431,750	10,468,008	(36,258)
Beli MYR 8,417,200				
Jual USD 2,000,000	10.11.2025	8,417,200	8,373,444	43,756
Beli MYR 6,424,800				
Jual USD 1,500,000	14.11.2025	6,424,800	6,279,120	145,680

	Tarikh matang	Amaun Nosional RM	Nilai Saksama RM	Aset/(Liabiliti) RM
30.6.2025 (samb.)				
Kontrak belian hadapan (samb.)				
Beli MYR 8,415,200				
Jual USD 2,000,000	15.12.2025	8,415,200	8,362,213	52,987
Beli MYR 6,576,750				
Jual USD 1,500,000	02.1.2026	6,576,750	6,267,590	309,160
Beli MYR 6,576,750				
Jual USD 1,500,000	02.1.2026	6,576,750	6,267,590	309,160
		<u>89,676,400</u>	<u>87,905,962</u>	<u>1,770,438</u>

31.12.2024

Kontrak belian hadapan

Beli MYR 6,132,000				
Jual USD 1,500,000	02.1.2025	6,132,000	6,701,587	(569,587)
Beli MYR 6,132,000				
Jual USD 1,500,000	02.1.2025	6,132,000	6,701,587	(569,587)
Beli USD 1,500,000				
Jual MYR 6,702,750	02.1.2025	6,702,750	6,703,956	(1,206)
Beli USD 1,500,000				
Jual MYR 6,702,750	02.1.2025	6,702,750	6,703,956	(1,206)
Beli MYR 4,146,700				
Jual USD 1,000,000	06.1.2025	4,146,700	4,467,089	(320,389)
Beli MYR 2,105,100				
Jual USD 500,000	08.1.2025	2,105,100	2,233,380	(128,280)
Beli MYR 4,204,700				
Jual USD 1,000,000	08.1.2025	4,204,700	4,466,761	(262,061)
Beli MYR 4,267,400				
Jual USD 1,000,000	10.1.2025	4,267,400	4,466,440	(199,040)
Beli MYR 4,272,200				
Jual USD 1,000,000	16.1.2025	4,272,200	4,465,574	(193,374)

31.12.2024 (samb.)**Kontrak belian hadapan (samb.)**

Beli MYR 2,149,800				
Jual USD 500,000	24.1.2025	2,149,800	2,232,253	(82,453)
Beli MYR 10,871,750				
Jual USD 2,500,000	07.2.2025	10,871,750	11,157,403	(285,653)
Beli MYR 10,871,750				
Jual USD 2,500,000	07.2.2025	10,871,750	11,157,403	(285,653)
Beli MYR 10,871,750				
Jual USD 2,500,000	07.2.2025	10,871,750	11,157,403	(285,653)
Beli MYR 6,678,600				
Jual USD 1,500,000	02.4.2025	6,678,600	6,688,939	(10,339)
Beli MYR 6,678,600				
Jual USD 1,500,000	02.4.2025	6,678,600	6,688,939	(10,339)
		<u>92,787,850</u>	<u>95,992,670</u>	<u>(3,204,820)</u>

Keuntungan/(kerugian) bersih daripada derivatif ("FVTPL")

	30.6.2025	30.6.2024
	RM	RM
Kerugian ternyata daripada kontrak mata wang asing hadapan	(1,142,450)	(2,504,924)
Keuntungan/(kerugian) tidak ternyata nilai saksama daripada kontrak mata wang asing hadapan	<u>4,471,888</u>	<u>426,363</u>
	<u>3,329,438</u>	<u>(2,078,561)</u>

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	30.6.2025	31.12.2024
	RM	RM
Pada kos:		
Bank-bank berlesen	<u>6,449,952</u>	<u>18,810,338</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	30.6.2025		31.12.2024	
	Purata Tempoh		Purata Tempoh	
	PWKFE (% p.a)	Matang (Hari)	PWKFE (% p.a)	Matang (Hari)
Bank-bank berlesen	3.15	1.00	3.87	6.00

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih daripada 90 hari (31 Disember 2024: Tiada).

10. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	30.6.2025	31.12.2024
	RM	RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	-	5,525
Dividen	1,275,618	163,957
	1,275,618	169,482

11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/KEPADA PNB

	30.6.2025	31.12.2024
	RM	RM
Jumlah terhutang daripada PNB terdiri daripada:		
Penjadian unit	4,150,440	2,980,590
Jumlah terhutang kepada PNB terdiri daripada:		
Pembatalan unit	11,306,810	1,555,760

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	30.6.2025		31.12.2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/tahun	543,800,000	548,121,955	685,400,000	697,491,655
Penjadian unit untuk				
- jualan	65,900,000	72,258,590	226,800,000	250,099,730
Pembatalan unit	(87,000,000)	(95,599,630)	(368,400,000)	(399,469,430)
	(21,100,000)	(23,341,040)	(141,600,000)	(149,369,700)
Pada akhir tempoh/tahun	522,700,000	524,780,915	543,800,000	548,121,955

13. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2025, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2025, PNB secara sah memegang 815,626 unit (31 Disember 2024 : 743,104 unit) merangkumi 0.16% (31 Disember 2024 : 0.14%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai Urus Niaga RM	Pecahan Jumlah Urus Niaga %	Yuran Broker RM	Pecahan Jumlah Yuran Broker %
Jane Street Group Plc	362,316,414	10.50	-	-
UBS AG	299,137,437	8.67	311,590	12.21
HSBC Bank Plc	259,710,893	7.53	138,558	5.43
CLSA Limited	246,661,679	7.15	113,933	4.46
Flow Traders BV	213,490,597	6.19	-	-
Jefferies International Ltd.	205,409,504	5.95	149,320	5.85
Liqnet Limited	162,225,195	4.70	42,292	1.66
Maybank Investment Bank Berhad*	155,096,618	4.50	169,649	6.65
Daiwa Securities Co. Ltd.	151,060,804	4.38	162,396	6.36
Morgan Stanley & Co. International Plc	150,187,245	4.35	82,385	3.23
Lain-lain	1,244,872,659	36.08	1,382,073	54.15
	3,450,169,045	100.00	2,552,196	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2025	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2024
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	3.02 kali	2.22 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2025	Tempoh enam bulan berakhir 30.6.2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	1.25%	1.03%

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

Nilai Saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) Tunai dan persamaan tunai, deposit dengan institusi kewangan, jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham, dan pendapatan belum diterima

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Skim pelaburan kolektif

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

(iv) Derivatif

Nilai saksama bagi liabiliti derivatif yang terdiri daripada kontrak mata wang asing hadapan adalah berdasarkan pada kadar mata wang asing pada tempoh laporan yang disenaraikan oleh Bloomberg berbanding dengan kadar hadapan mata wang asing yang telah dipersetujui dengan broker.

18. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
30.6.2025				
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)				
Ekuiti disebut harga	463,134,120	-	-	463,134,120
Skim pelaburan kolektif	66,544,039	-	-	66,544,039
	529,678,159	-	-	529,678,159
Aset derivatif (FVTPL)				
Kontrak hadapan				
mata wang asing	-	1,770,438	-	1,770,438
	-	1,770,438	-	1,770,438

31.12.2024

Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)				
Ekuiti disebut harga	455,473,432	-	-	455,473,432
Skim pelaburan kolektif	71,391,650	-	-	71,391,650
	526,865,082	-	-	526,865,082
Liabiliti derivatif (FVTPL)				
Kontrak hadapan				
mata wang asing	-	(3,204,820)	-	(3,204,820)
	-	(3,204,820)	-	(3,204,820)

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tempoh kewangan semasa dan sebelumnya.

19. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

20. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 31 Disember 2024.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Januari 2024 sehingga 30 Jun 2024.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru, 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar, Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat, Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru, Johor

JOHOR	
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat, Johor	
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibul, Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

E MEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

E MEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

